

LAPORAN
SOAL SELIDIK KESELAMATAN MAKLUMAT PENILAIAN PENGAJARAN
PRASISWAZAH BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA DISEMBER 2025

oleh
PASUKAN ISMS PENILAIAN PENGAJARAN PRASISWAZAH DI FAKULTI
PUSAT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN KEPEMIMPINAN AKADEMIK
(CADe-Lead), UPM

TUJUAN

1. Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan ahli Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (JKK ISMS) berkenaan laporan soal selidik keselamatan maklumat bagi penilaian pengajaran yang dilaksanakan sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2025 melibatkan pelajar program Bachelo dan Diploma Sesi Akademik 2024/2025.

LAPORAN SOAL SELIDIK KESELAMATAN MAKLUMAT PENILAIAN PENGAJARAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA DISEMBER 2025

2. Soal selidik keselamatan maklumat berkaitan Penilaian Pengajaran bagi Sesi Akademik 2024/2025 telah dilaksanakan secara dalam talian sepanjang tempoh **Januari hingga Julai 2025** menggunakan aplikasi **Google Form**. Pelaksanaan soal selidik ini melibatkan pelajar program Bachelo dan Diploma, seperti diperincikan di **Jadual 1**.


Jadual 1: Pelaksanaan Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran

Program	Tarikh Pelaksanaan Soal Selidik	Jumlah Responden
Bachelor (Semester Pertama)	8 Januari hingga 16 Februari 2025	520 Pelajar
Diploma (Semester Kedua)	14 April hingga 8 Mei 2025	177 Pelajar
Bachelor (Semester Kedua)	30 Jun hingga 30 Julai 2025	691 Pelajar
Jumlah Keseluruhan		1,388 pelajar

3. Secara keseluruhan, 86.82% (n=1,205) pelajar memberikan penilaian antara skor baik dan cemerlang (min 4.00 – 5.00) terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM. Manakala 13.18% (n=183) memberikan penilaian <4.00 seperti di **Jadual 1** dan **Rajah 1**.

Jadual 2: Pencapaian tahap keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM

Bil	Julat skor (min)	Tahap pencapaian	Frekuensi		
			Bil.	Peratus	Peratus
1	<3.50	Tidak memuaskan	89	6.41	13.18
2	3.50 - 3.99	Sederhana	94	6.77	
3	4.00 - 4.49	Baik	704	50.72	
4	4.50 - 5.00	Cemerlang	501	36.10	
		Jumlah	1,388	100.0	100.0



Rajah 1: Pencapaian keseluruhan tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran
<3.50 - Tidak memuaskan, 3.50 - 3.99 – Sederhana, 4.00 - 4.49 – Baik, 4.50 - 5.00 - Cemerlang

4. Pencapaian mengikut item adalah pada tahap baik (julat min 4.30 - 4.32) dengan skor min keseluruhan item ialah 4.25 seperti di **Jadual 2**.

Jadual 3: Pencapaian mengikut item

Item	Skor (Min)
1. Saya yakin bahawa maklumat peribadi saya dirahsiakan	4.32
2. Saya yakin terhadap integriti maklumat dalam Sistem Penilaian Pengajaran	4.30
3. Saya berpuas hati dengan ketersediaan Sistem Penilaian Pengajaran	4.32
Keseluruhan	4.31

<3.50 - Tidak memuaskan, 3.50 - 3.99 – Sederhana, 4.00 - 4.49 – Baik, 4.50 - 5.00 - Cemerlang

Syor

5. Ahli JKK ISMS UPM dimohon mengambil maklum berkenaan laporan soal selidik keselamatan maklumat bagi penilaian pengajaran yang dilaksanakan sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2025 melibatkan pelajar program Bacelor dan Diploma Sesi 2024/2025.



**LAPORAN SOAL SELIDIK SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT (ISMS) BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU
SISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN PELAJAR
BAGI SETENGAH TAHUN KEDUA 2025**

1.0 TUJUAN

Kertas ini ini bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan laporan soal selidik pendaftaran pelajar baharu siswazah semasa minggu pendaftaran pelajar bagi empat (4) kemasukan bagi setengah tahun kedua 2025.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Tujuan pelaksanaan soal selidik ini adalah untuk mengetahui tahap penerimaan kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran dalam kalangan pelajar baharu. Persepsi pelajar baharu yang juga merupakan pemegang taruh ini akan mencerminkan tahap pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia.
- 2.2 Pelaksanaan soal selidik ini juga adalah selari dengan objektif ISMS Tahun 2025 bagi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah, iaitu memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran. Sasaran yang ditetapkan untuk pencapaian objektif ini pada tahun 2025 ialah 80%, iaitu peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala Likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS.
- 2.3 Laporan ini menggabungkan statistik pelajar bagi empat (4) kemasukan dalam setengah tahun kedua 2025 iaitu:

Bil.	Semester	Tempoh Pendaftaran di PutraENROLL	Bilangan responden
1.	Trimester Pertama 2025/2026	23 – 29 Jun 2025	68
2.	Semester Pertama 2025/2026	29 September – 12 Oktober 2025	1456
3.	Trimester Kedua 2025/2026	20 – 31 Oktober 2025	109
4.	Sesi Kedua 2025/2026	1 – 14 Disember 2025	2
JUMLAH			1,635

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mendapat maklum balas pemegang taruh (Pelajar Baharu) berkenaan pelaksanaan ISMS di UPM seperti berikut, iaitu:

- (i) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap ketepatan maklumat yang dinyatakan dalam surat tawaran yang dikeluarkan kepada calon;
- (ii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap kesediaan kaunter semasa hari pendaftaran pelajar baharu;
- (iii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan kawalan kerahsiaan data dan maklumat pelajar baharu semasa hari pendaftaran pelajar; dan
- (iv) Memenuhi keperluan MS ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System* (ISMS).

4.0 METODOLOGI PELAKSANAAN


- 4.1 Soal selidik kajian ini dijalankan secara atas talian untuk pelajar baharu UPM untuk empat (4) kemasukan iaitu Trimester Pertama 2025/2026, Semester Pertama 2025/2026, Trimester Kedua 2025/2026 dan Sesi Kedua 2025/2026. Soal selidik secara atas talian ini merangkumi dua (2) bahagian seperti berikut, iaitu:

Bahagian A: Maklumat Demografi Responden

- (i) Jantina; dan
- (ii) Fakulti.

Bahagian B: Soalan Soal Selidik Kepuasan Pemegang Taruh Terhadap perkara berikut:

- (i) Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.
 - (ii) Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.
 - (iii) Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.
 - (iv) Saya yakin bahawa maklumat peribadi yang telah saya muat naik dalam PutraENROLL iGIMS dilindungi dengan baik.
 - (v) Saya mendapati bahawa Sistem PutraENROLL boleh diakses sepanjang tempoh pendaftaran.
 - (vi) Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.
 - (vii) Cadangan penambahbaikan/maklum balas berkaitan keselamatan maklumat semasa pendaftaran (jika ada).
- 4.2 Responden diminta memberikan penarafan mata mengikut skala kepuasan terhadap perkhidmatan yang diberikan seperti berikut:



5.0 PELAKSANAAN SOAL SELIDIK PIHAK BERKEPENTINGAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2025


Pelaksanaan soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS tahun 2025 dilaksanakan seperti:

- (i) Soal selidik pendaftaran pelajar baharu siswazah oleh Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah, berdasarkan strategi berikut :
 - (a) Soalan kajian yang diajukan adalah berdasarkan tahap kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran pelajar baharu terhadap jenis perkhidmatan yang diterima daripada setiap peneraju/entiti yang menawarkan perkhidmatan.
 - (b) Respon pemegang taruh adalah berdasarkan tahap kepuasan mereka mengikut skala 1 hingga 5 (Skala Likert) yang telah ditetapkan.
 - (c) Pelajar baharu siswazah Trimester Pertama 2025/2026, Semester Pertama 2025/2026, Trimester Kedua 2025/2026 dan Sesi Kedua 2025/2026 menjawab soal selidik melalui popup sejurus pelajar log masuk sistem Portal IGIMS Pelajar.
 - (d) Pelaksanaan soal selidik ini dilaksanakan oleh Sekolah Pengajian Siswazah.

6.0 DEMOGRAFI

Seramai 1,635 (98%) orang pelajar telah menjawab soal selidik yang disediakan berbanding 1,665 pelajar baharu yang mendaftar secara dalam talian (*online*) pada empat (4) kemasukan yang terlibat iaitu Trimester Pertama 2025/2026, Semester Pertama 2025/2026, Trimester Kedua 2025/2026 dan Sesi Kedua 2025/2026. Data responden dipecahkan mengikut jantina dan 26 fakulti/institut/sekolah. Demografi responden adalah seperti rajah di bawah:

Rajah 1: Taburan Mengikut Jantina



Jadual 1: Taburan Mengikut Fakulti

Bil	Fakulti	Singkatan	Jumlah
1.	Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan	FSPH	7
2.	Fakulti Pertanian	FP	49
3.	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul	FBSB	55
4.	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	FSKTM	103
5.	Fakulti Reka Bentuk Dan Senibina	FRSB	98
6.	Fakulti Pengajian Pendidikan	FPP	341
7.	Fakulti Kejuruteraan	FK	208
8.	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	FSTM	80
9.	Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar	FHAS	57
10.	Fakulti Ekologi Manusia	FEM	45
11.	Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan Dan Sains	FKPS	9
12.	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	FPSK	136
13.	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi	FBMK	92

14.	Fakulti Sains	FS	68
15.	Fakulti Perubatan Veterinar	FPV	10
16.	Institut Penyelidikan Produk Halal	IPPH	2
17.	Institut Penyelidikan Matematik	INSPEM	8
18.	Institut Pengajian Sains Sosial	IPSAS	2
19.	Institut Biosains	IBS	6
20.	Institut Ekosains Borneo	IEB	2
21.	Institut Nanosains dan Nanoteknologi	ION2	8
22.	Institut Pengajian Perlindungan	IKP	1
23.	Institut Pertanian Tropika dan Keselamatan Makanan	ITAFOS	6
24.	Institut Perhutanan Tropika dan Hasil Hutan	INTROP	4
25.	Institut Antarabangsa Akuakultur Dan Sains Akuatik	IAQUAS	4
26.	Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia	IPPM	1
27.	Sekolah Perniagaan dan Ekonomi	SBE	233
JUMLAH			1,635


7.0 ANALISIS HASIL KAJIAN

Tahap kepuasan pemegang taruh dianalisis berdasarkan skala kepuasan berikut, iaitu:


- (i) Skala 5 (Sangat Setuju)
- (ii) Skala 4 (Setuju)
- (iii) Skala 3 (Agak Setuju)
- (v) Skala 2 (Tidak Setuju)
- (vi) Skala 1 (Sangat Tidak Setuju)

Kepuasan pemegang taruh adalah dikira berdasarkan skala kepuasan melebihi tahap memuaskan iaitu merangkumi skala 4 (Setuju) dan skala 5 (Sangat Setuju). Keputusan hasil kajian adalah seperti rajah I hingga IV seperti di bawah:


Rajah 1: Soalan 1 (min 4.67)




Rajah 2: Soalan 2 (Min 4.64)




Rajah 3: Soalan 3 (Min 4.62)




Rajah 4: Soalan 4 (Min 4.62)



Rajah 5: Soalan 5 (Min 4.48)



Rajah 6: Soalan 6 (Min 4.40)



7.0 RUMUSAN HASIL KAJIAN

7.1 Secara keseluruhan, hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu siswazah semasa minggu pendaftaran pada empat (4) kemasukan iaitu Trimester Pertama 2025/2026, Semester Pertama 2025/2026, Trimester Kedua 2025/2026 dan Sesi Kedua 2025/2026 dapat dirumuskan seperti berikut:

- (i) Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik ISMS tahun ini adalah sebanyak **98%**;
- (ii) Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 5 (sangat setuju) adalah pada soalan nombor 1 iaitu **'Saya mendapati bahawa semua maklumat dalam surat tawaran universiti, terutamanya nama dan alamat surat-menyurat, adalah tepat.'** (1318 responden/81%). Manakala jumlah responden yang terendah yang memberikan skala 5 adalah pada soalan nombor 6 iaitu **'Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.'** (1051 responden/64%);
- (iii) Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 1 (sangat tidak setuju) adalah kepada soalan nombor 6 iaitu **'Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.'** (38 responden/2%);
- (iv) Analisis skala Likert bagi enam (6) soalan menunjukkan bahawa nilai min keseluruhan adalah tinggi iaitu **4.57**, yang mencerminkan tahap kepuasan responden berada pada kategori tinggi dan menghampiri skala Sangat Setuju. Dari segi peratusan pula, analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan bahawa sebanyak **97%** responden mencatatkan purata skor melebihi 4, sekali gus menggambarkan tahap keyakinan dan kepuasan yang tinggi terhadap pelaksanaan ISMS dalam proses pendaftaran pelajar baharu di UPM.

Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar baharu UPM bagi empat (4) kemasukan iaitu Trimester Pertama 2025/2026, Semester Pertama 2025/2026, Trimester Kedua 2025/2026 dan Sesi Kedua 2025/2026 secara keseluruhannya berpuas hati terhadap pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu.

7.2 Pencapaian Objektif ISMS 2025:

Berdasarkan kemasukan pelajar baharu pada empat (4) kemasukan dalam pertengahan kedua tahun 2025 dan objektif ISMS 2025 yang telah ditetapkan, iaitu memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran dengan sasaran sebanyak 80% pelajar baharu memberi skor 4.00 ke atas (Skala Likert 5.00) telah mencapai dan melebihi sasaran yang ditetapkan, iaitu **97%**.

8.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan kepada maklumbalas responden bagi soalan kaji selidik ISMS, majoriti pelajar baharu berpuas hati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia. Walaubagaimanapun, terdapat juga beberapa cadangan yang boleh diambil kira oleh Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah untuk tindakan penambahbaikan pada masa akan datang.

Antara cadangan penambahbaikan yang diperolehi daripada responden (Pelajar Baharu) :

1. Dicapangkan agar proses pengaktifan UPM-ID dipermudah dan distabilkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada bantuan Helpdesk.
2. Dicapangkan supaya pemberitahuan rasmi disalurkan setiap kali berlaku perubahan atau kemas kini status pendaftaran sepanjang tempoh pendaftaran bagi memastikan pelajar sentiasa mendapat maklumat terkini.
3. Dicapangkan agar saluran rasmi untuk melaporkan ralat atau membuat pertanyaan diwujudkan dalam sistem supaya setiap aduan dapat direkod dan diurus dengan lebih teratur serta mematuhi keperluan keselamatan maklumat.

9.0 SYOR

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS UPM dengan hormatnya dimohon mengambil maklum Laporan Analisis Pelaksanaan Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah Semasa Minggu Pendaftaran Pelajar Baharu bagi Setengah Tahun Pertama 2025 yang melibatkan empat (4) kemasukan iaitu Trimester Pertama 2025/2026, Semester Pertama 2025/2026, Trimester Kedua 2025/2026 dan Sesi Kedua 2025/2026 seperti yang dikemukakan.



**LAPORAN SOAL SELIDIK SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT (ISMS) DALAM PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU
PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PENDAFTARAN BAGI KEMASUKAN
SEMESTER PERTAMA 2025/2026
(AMBILAN PROGRAM DIPLOMA DAN PERSEDIAAN DIPLOMA SAINS)**

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SARAWAK

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan laporan soal selidik pendaftaran pelajar baharu pascasiswazah semasa minggu pendaftaran pelajar bagi kemasukan Semester Pertama 2025/2026 (Ambilan Program Diploma & Persediaan Diploma Sains) dan pencapaian objektif ISMS tahun 2025.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Tujuan pelaksanaan soal selidik ini adalah untuk mengetahui tahap penerimaan kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran dalam kalangan pelajar baharu. Persepsi pelajar baharu yang juga merupakan pemegang taruh ini akan mencerminkan tahap pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia.
- 2.2 Pelaksanaan soal selidik ini juga adalah selari dengan objektif ISMS Tahun 2023 bagi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Pascasiswazah, iaitu memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran. **Sasaran yang ditetapkan untuk pencapaian objektif ini pada tahun 2025 ialah 80%**, iaitu peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala Likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mendapat maklum balas pemegang taruh (Pelajar Baharu) berkenaan pelaksanaan ISMS di UPM seperti berikut, iaitu:

- (i) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap ketepatan maklumat yang dinyatakan dalam surat tawaran yang dikeluarkan kepada calon;
- (ii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap kesediaan kaunter semasa hari pendaftaran pelajar baharu;
- (iii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan kawalan kerahsiaan data dan maklumat pelajar baharu semasa hari pendaftaran pelajar; dan
- (iv) Memenuhi keperluan MS ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System* (ISMS)

4.0 METODOLOGI PELAKSANAAN

Soal selidik kajian ini dijalankan secara dalam talian untuk pelajar baharu UPM ambilan pertama pada 14 Julai 2025.

Soal selidik secara atas talian ini merangkumi 2 bahagian seperti berikut, iaitu:

Bahagian A: Maklumat Demografi Responden

- (i) Jantina; dan
- (ii) Kolej Kediaman

Bahagian B: Soalan Soal Selidik Kepuasan Pemegang Taruh Terhadap perkara berikut:

- (i) Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.
- (ii) Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.
- (iii) Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.

- (iv) Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem Potral Putra Sims terpelihara.
- (v) Saya mendapati Sistem Potral Putra Sims boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.
- (vi) Saya dapati Sistem Sistem Potral Putra Sims telah memudahkan proses pendaftaran masuk ke Universiti Putra Malaysia.
- (vii) Cadangan penambahbaikan/maklum balas berkaitan keselamatan maklumat semasa pendaftaran (jika ada).

Responden diminta memberikan penarafan mata mengikut skala kepuasan terhadap perkhidmatan yang diberikan seperti berikut:

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju

5.0 PELAKSANAAN SOAL SELIDIK PIHAK BERKEPENTINGAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2025

Pelaksanaan soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS tahun 2025 dilaksanakan seperti:


- (i) Soal selidik pendaftaran pelajar baharu pascasiswazah oleh Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Bintulu), berdasarkan strategi berikut:
 - (a) Soalan kajian yang diajukan adalah berdasarkan tahap kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran pelajar baharu terhadap jenis perkhidmatan yang diterima daripada setiap peneraju/entiti yang menawarkan perkhidmatan.
 - (b) Respon pemegang taruh adalah berdasarkan tahap kepuasan mereka mengikut skala 1 hingga 5 (Skala Likert) yang telah ditetapkan.
 - (c) Pelajar baharu pascasiswazah Semester Pertama 2025/2026 menjawab soal selidik melalui pautan yang diletakkan di dalam komputer riba atau menggunakan Kod QR Penilaian di setiap kaunter ISMS zon pendaftaran.

- (d) Pelaksanaan soal selidik ini dilaksanakan oleh Peneraju Proses ISMS yang terlibat iaitu Pejabat Pengurusan Pelajar, UPMS dengan kerjasama Jawatankuasa Penilaian Minggu Perkasa Putra 2025.

6.0 DEMOGRAFI

Seramai 267 orang pelajar telah menjawab soal selidik yang disediakan semasa pendaftaran pelajar baharu sesi akademik 2025/2026 (Ambilan Program Diploma & Persediaan Diploma Sains). Data responden yang mendaftar di Dewan Sri Kenyalang dipecahkan mengikut jantina. Demografi responden adalah seperti jadual di bawah.

Rajah 1: Taburan Mengikut Jantina



7.0 ANALISIS HASIL KAJIAN

Tahap kepuasan pemegang taruh dianalisis berdasarkan skala kepuasan berikut iaitu:

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju

Kepuasan pemegang taruh adalah dikira berdasarkan skala kepuasan melebihi tahap memuaskan iaitu merangkumi skala 4 (Setuju) dan skala 5 (Sangat Setuju). Keputusan hasil kajian adalah seperti rajah I hingga IV seperti di bawah:


Rajah A: Soalan 1 (Min 4.79)

1. Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.

267 jawapan

Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.

267 responses




Rajah B: Soalan 2 (min 4.83)

2. Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.

267 jawapan

Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.

267 responses




Rajah C: Soalan 3 (min 4.78)

3. Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.

267 jawapan

Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.

267 responses




Rajah D: Soalan 4 (min 4.78)

4. Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem Portal Sims terpelihara.

267 jawapan

Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem Portal Sims terpelihara.

267 responses




Rajah E: Soalan 5 (min 4.70)

5. Saya dapati Sistem Portal Sims boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.

267 jawapan

Saya dapati Sistem Sistem Portal Sims boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.

267 responses




Rajah F: Soalan 6 (min 4.74)

6. Saya dapati Sistem Portal Sims memudahkan proses pendaftaran masuk ke Universiti Putra Malaysia.

267 jawapan

Saya dapati Sistem Sistem Portal Sims memudahkan proses pendaftaran masuk ke Universiti Putra Malaysia.

267 responses



8.0 RUMUSAN HASIL KAJIAN

Secara keseluruhan, hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu pascasiswazah (ambilan Diploma dan Persediaan Diploma Sains) semasa Minggu Perkasa Putra pada sesi kemasukan Semester Pertama sesi 2025/2026 dapat dirumuskan seperti berikut:

- Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik ISMS tahun ini semasa sesi pendaftaran pelajar baharu (pada 14 Julai 2025) adalah sebanyak 100% sama seperti pendaftaran pada tahun 2024. Ia mungkin disebabkan kerjasama dan inisiatif oleh Fasilitator Universiti dan petugas yang berkaitan semasa sesi pendaftaran.
- Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 5 (sangat setuju) adalah pada soalan nombor 1 iaitu **'Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.'** (89.5% / 239 responden). Manakala yang terendah memberikan skala adalah pada soalan nombor 5 iaitu **'Saya dapati Sistem Portal Sims boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.'** (79.8% / 213 responden)
- Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 1 (sangat tidak setuju) adalah kepada soalan nombor 1 iaitu **'Saya dapati maklumat dalam**

surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.' (2.2% / 6 responden).

- d) Analisis skala likert jawapan yang diberikan oleh semua responden adalah mencapai min yang tinggi (4.77) berdasarkan soalan 1 sehingga 6. Dari segi peratusan pula, analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan 94.07% menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu UPM Semester Pertama 2025/2026 (Ambilan Pelajar Diploma dan Persediaan Diploma Sains) berpuashati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia.

Pencapaian Objektif ISMS 2025

Berdasarkan kemasukan pelajar baharu pada 14 Julai 2025 dan objektif ISMS 2025 yang telah ditetapkan, iaitu memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran dengan sasaran sebanyak 80% pelajar baharu memberi skor 4.00 ke atas (Skala Likert 5.00) telah mencapai dan melebihi sasaran yang ditetapkan, iaitu **sebanyak 94.07%**.

9.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan kepada maklumbalas responden bagi soalan kaji selidik ISMS, majoriti pelajar baharu berpuashati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia. Walaubagaimanapun, terdapat juga beberapa cadangan yang boleh diambil kira oleh Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Pascasiswazah untuk tindakan penambahbaikan pada masa akan datang.

Antara cadangan penambahbaikan yang diperolehi daripada responden (Pelajar Baharu):

1. Tambahkan tempat duduk
2. menambah baik fasiliti
3. beri tempoh untuk menghantar maklumat pendaftaran
4. memastikan keselamatan peribadi sentiasa terjaga
5. susunan kerusi giliran yang lebih dirancang
6. menyediakan kaunter pendaftaran yang lebih teratur

7. Menjelaskan lebih banyak penerangan tentang maklumat dalam buku panduan agar lebih mudah, dan kekeliruan boleh dielakkan
8. Tambah ahli untuk memudahkan pendaftaran
9. membuat banner besar untuk pra dip dan dip
10. Sediakan tempat duduk yang banyak diluar dan didalam.
11. Hapuskan ads
12. Lebih alert dengan masalah-masalah teknikal
13. Membuka lebih banyak tempat pendaftaran
14. sediakan bas khas untuk pelajar keluar
15. If you can, please fix the UI on mobile especially when you try to login
16. Parkir kereta
17. mengurangkan masalah dalam yang berkaitan dengan sistem

10. SYOR

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS UPM dengan hormatnya dimohon mengambil maklum Laporan Analisis Pelaksanaan Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Ambilan Pelajar Diploma dan Persediaan Diploma Sains) semasa Minggu Perkasa Putra bagi Semester Pertama 2025/2026 pada 14 Julai 2025 seperti yang dikemukakan.

**LAPORAN SOAL SELIDIK SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT (ISMS) DALAM PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU
PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PERKASA PUTRA BAGI SESI
KEMASUKAN 2025/2026**

KAMPUS UPM SERDANG DAN UPM SARAWAK

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Universiti berkaitan laporan soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra pada sesi kemasukan 2025/2026.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Tujuan pelaksanaan soal selidik ini adalah untuk mengetahui tahap penerimaan kerahsiaan, integriti, kesiapsiagaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran dalam kalangan pelajar baharu. Persepsi pelajar baharu yang juga merupakan pemegang taruh ini akan mencerminkan tahap pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia.

2.2 Pelaksanaan soal selidik ini juga adalah selari dengan objektif ISMS Tahun 2025 bagi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang & UPM Sarawak), iaitu memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran. Sasaran yang ditetapkan untuk pencapaian objektif ini pada tahun 2025 ialah 80%, iaitu peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala Likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mendapat maklum balas pemegang taruh (Pelajar Baharu) berkenaan pelaksanaan ISMS di UPM seperti berikut, iaitu:

- (i) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap ketepatan maklumat yang dinyatakan dalam surat tawaran yang dikeluarkan kepada calon;
- (ii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap kesediaan kaunter semasa hari pendaftaran pelajar baharu;
- (iii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan kawalan kerahsiaan data dan maklumat pelajar baharu semasa hari pendaftaran pelajar; dan
- (iv) Memenuhi keperluan MS ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System* (ISMS).

4.0 METODOLOGI PELAKSANAAN

Soal selidik kajian ini dijalankan secara atas talian untuk pelajar baharu UPM ambilan pertama dan kedua.

Soal selidik secara atas talian ini merangkumi 2 bahagian seperti berikut, iaitu:


Bahagian A: Maklumat Demografi Responden

1. Jantina; dan
2. Kolej Kediaman.

Bahagian B: Soalan Soal Selidik Kepuasan Pemegang Taruh Terhadap perkara berikut:

1. Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.
2. Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.
3. Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.
4. Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem PUTRASIMS terpelihara.
5. Saya dapati Sistem PUTRASIMS boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.
6. Saya mendapati Sistem PUTRASIMS memudahkan proses pendaftaran masuk ke Universiti Putra Malaysia.
7. Cadangan penambahbaikan/maklum balas berkaitan keselamatan maklumat semasa pendaftaran (jika ada).

Responden diminta memberikan penarafan mata mengikut skala kepuasan terhadap perkhidmatan yang diberikan seperti berikut:




5.0 PELAKSANAAN SOAL SELIDIK PIHAK BERKEPENTINGAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2025

Pelaksanaan soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS tahun 2025 dilaksanakan oleh Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu), berdasarkan strategi berikut :

- (a) Soalan kajian yang diajukan adalah berdasarkan tahap kerahsiaan, integriti, kesiapsiagaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran pelajar baharu terhadap jenis perkhidmatan yang diterima daripada setiap peneraju/entiti yang menawarkan perkhidmatan.
- (b) Respon pemegang taruh adalah berdasarkan tahap kepuasan mereka mengikut skala 1 hingga 5 (Skala Likert) yang telah ditetapkan.
- (c) Pelajar baharu prasiswazah sesi 2025/2026 UPM menjawab soal selidik melalui pautan yang diletakkan di dalam komputer riba atau menggunakan QR Code Penilaian di setiap kaunter penilaian ISMS zon pendaftaran.
- (d) Pelaksanaan soal selidik ini akan dilaksanakan oleh Peneraju Proses ISMS yang terlibat iaitu Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dengan kerjasama Jawatankuasa Penilaian Minggu Perkasa Putra 2025.

6.0 DEMOGRAFI

Seramai 4,021 (97.53%) orang pelajar telah menjawab soal selidik yang disediakan berbanding 4,123 pelajar baharu yang mendaftar pada ambilan pertama dan ambilan kedua sesi 2025/2026. Data responden dipecahkan mengikut jantina dan 10 Kolej Kediaman. Demografi responden adalah seperti jadual di bawah:



2. Kolej Kediaman

Bil	Kolej Kediaman	Jumlah
1.	Kolej Canselor	409
2	Kolej Tun Dr Ismail	388
3	Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah	404
4	Kolej Pendeta Za'ba	408
5	Kolej Sepuluh	585
6	Kolej Dua Belas	591
7	Kolej Tan Sri Aishah Ghani	155
8	Kolej Empat Belas	609
9	Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee	383
10.	Kolej Sri Rajang (UPM Sarawak)	89
JUMLAH RESPONDEN,		4,021


7.0 ANALISIS HASIL KAJIAN

Tahap kepuasan pemegang taruh dianalisis berdasarkan skala kepuasan berikut, iaitu:


- (i) Skala 5 (Sangat Setuju)
- (ii) Skala 4 (Setuju)
- (iii) Skala 3 (Agak Setuju)
- (v) Skala 2 (Tidak Setuju)
- (vi) Skala 1 (Sangat Tidak Setuju)

Kepuasan pemegang taruh adalah dikira berdasarkan skala kepuasan melebihi tahap memuaskan iaitu merangkumi skala 4 (Setuju) dan skala 5 (Sangat Setuju). Keputusan hasil kajian adalah seperti rajah I hingga IV seperti di bawah:

Rajah I: Soalan 1 (min 4.81)




Rajah II: Soalan 2 (min 4.86)



Rajah III: Soalan 3 (min 4.84)


3. Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.



4,021 responses

**Rajah IV: Soalan 4 (min 4.84)**

4. Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem PUTRASIMS terpelihara.

4,021 responses



Rajah V: Soalan 5 (min 4.74)**Rajah VI: Soalan 6 (min 4.77)**

7.0 RUMUSAN HASIL KAJIAN

Secara keseluruhan, hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra pada sesi kemasukan Semester 1 sesi 2025/2026 dapat dirumuskan seperti berikut:

Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik ISMS tahun ini adalah sebanyak **97.53%** berbanding tahun 2024 sebanyak **93.6%**. Terdapat peningkatan sebanyak **3.93%** berbanding tahun 2024.

Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 5 (sangat setuju) adalah pada soalan nombor 1 iaitu **'Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.'** (89.75% / 3,605 responden). Manakala yang terendah yang memberikan skala 5 adalah pada soalan nombor 5 iaitu **'Saya dapati Sistem PUTRASIMS boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.'** (79.2% / 3,186 responden).

Jumlah responden yang tertinggi yang memberikan skala 1 (sangat tidak setuju) adalah kepada soalan nombor 1 iaitu **'Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.'** (0.6% / 24 responden).

Secara keseluruhan dari segi peratusan, analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan **98.3% responden menjawab pada skala 4 dan skala 5**. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar baharu UPM sesi **2025/2026** amat berpuas hati dengan pelaksanaan **Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)** dalam proses pendaftaran pelajar baharu di **Universiti Putra Malaysia**. Nilai purata keseluruhan (MIN = 4.82) turut menunjukkan tahap **kepuasan dan keyakinan tinggi** terhadap keselamatan data peribadi dan keberkesanan sistem digital universiti seperti PUTRASIMS.

Pencapaian Objektif ISMS 2025:

Setakat 23 Oktober 2025, berdasarkan kemasukan pelajar baharu pada 5 hingga 6 Oktober 2025 (ambilan Pertama) dan 11 & 22 Oktober 2025 (ambilan Kedua), objektif ISMS 2025 telah berjaya dicapai dan melebihi sasaran yang ditetapkan. Objektif tersebut, iaitu memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran dengan sasaran **80%** pelajar baharu memberikan **skor 4.00 ke atas** (mengikut Skala Likert 5), telah dicapai dengan pencapaian sebanyak **98.3%**.

8.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan maklum balas daripada responden bagi soalan kaji selidik Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) 2025, Daripada **1,362 maklum balas pelajar** yang diterima, **1,327 respon (97.43%)** menyatakan tiada cadangan penambahbaikan atau memberikan komen positif seperti “*semua baik*,” “*terbaik*,” “*sangat lancar*,” “*sistem teratur*,” dan “*perfect*.”

Ini menunjukkan tahap kepuasan pelajar yang **sangat tinggi** terhadap pelaksanaan **Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)** semasa proses pendaftaran pelajar baharu di UPM Serdang dan UPM Sarawak.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh responden, yang boleh diambil kira oleh Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah UPM Serdang dan UPM Sarawak. Cadangan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan sistem dan memberi pengalaman yang lebih baik kepada pengguna pada masa akan datang.

Berikut merupakan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh responden;

Cadangan Berkaitan ISMS

Bil	Tema Cadangan	N	%	Contoh Komen Pelajar
1	Sistem PutraSIMS (Kestabilan & Pengoptimuman)	12	0.88	<i>“Improve PUTRASIMS, it is very lag and buggy”, “Website selalu crash”, “Sistem upload file tidak kukuh”, “Loading lama di pra-pendaftaran.”</i>
2	Keselamatan Maklumat (OTP, kata laluan, biometrik, 2FA)	5	0.37	<i>“Cipta kata laluan untuk keselamatan”, “Menambah OTP untuk setiap login”, “Dual-step verification perlu ada”, “Tambah biometrik untuk log masuk.”</i>

Penerangan Data

1. Sistem PutraSIMS (Kestabilan & Pengoptimuman)

Responden mencadangkan agar sistem *PutraSIMS* dipertingkatkan dari segi kestabilan, kelancaran capaian, dan kecekapan pemprosesan data. Masalah seperti *lagging*, gangguan capaian, dan kelewatan muat naik dilaporkan oleh sebilangan kecil pelajar. Penambahbaikan ini penting bagi memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan sistem semasa pendaftaran.

2. Keselamatan Maklumat (OTP, Kata Laluan, Biometrik, 2FA)

Cadangan ini berkaitan terus dengan teras ISMS. Responden mencadangkan pelaksanaan lapisan keselamatan tambahan seperti pengesahan dua faktor (2FA), penggunaan OTP, dan kata laluan yang lebih kukuh. Terdapat juga saranan agar sistem biometrik dipertimbangkan bagi log masuk ke portal pendaftaran bagi mengelakkan sebarang akses tanpa kebenaran.

Cadangan Di Luar Konteks ISMS

Bil	Tema Cadangan	N	%	Contoh Komen Pelajar
1	Maklumat & Komunikasi (notifikasi, dokumen, info awal)	9	0.66	<i>“Sediakan senarai dokumen wajib sebelum daftar”, “Maklumat perlu dimaklumkan lebih awal”, “Tambah video tatacara pendaftaran”, “Beritahu awal dokumen sokongan.”</i>
2	Fasiliti & Pengurusan Fizikal (kerusi, kipas, papan tanda, trafik)	9	0.66	<i>“Tambah kerusi”, “Sediakan banyak papan tanda”, “Tambah kipas atau aircond”, “Melancarkan proses trafik.”</i>

Penerangan Data**1. Maklumat & Komunikasi**

Cadangan ini lebih menjurus kepada aspek penyampaian dan kefahaman pelajar terhadap proses pendaftaran. Responden menyarankan supaya universiti menambah baik hebahan awal mengenai dokumen dan tatacara pendaftaran. Walaupun penting dari sudut operasi, tema ini tidak berkaitan langsung dengan komponen keselamatan maklumat di bawah ISMS.

2. Fasiliti & Pengurusan Fizikal

Responden turut menekankan aspek keselesaan dan logistik di lokasi pendaftaran seperti penyediaan kerusi tambahan, kipas, papan tanda dan kawalan trafik. Walaupun cadangan ini membantu melancarkan operasi, ia tergolong sebagai **penambahbaikan umum** dan bukan sebahagian daripada skop keselamatan maklumat ISMS.

Secara keseluruhan, cadangan yang dikemukakan oleh responden menunjukkan komitmen mereka terhadap usaha penambahbaikan sistem ISMS di UPM. Majoriti responden turut menyuarakan penghargaan terhadap keberkesanan sistem keselamatan sedia ada yang dianggap baik. Penambahbaikan teknikal terhadap sistem *PutraSIMS* dan pelaksanaan ciri keselamatan tambahan seperti OTP (*One-Time Password*) dan 2FA (*Two-Factor Authentication*) boleh memperkukuh lagi kawalan keselamatan data universiti.

Cadangan di luar konteks ISMS seperti komunikasi dan fasiliti boleh dimanfaatkan oleh jawatankuasa pendaftaran bagi penambahbaikan operasi masa hadapan.

9.0 SYOR

Ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Universiti dengan hormatnya dimohon mengambil maklum Laporan Analisis Pelaksanaan Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Semasa Minggu Perkasa Putra bagi Sesi 2025/2026 ambilan pertama dan ambilan kedua seperti yang dikemukakan.

Disediakan oleh :

Mohamad Ashaari bin Awab K.B.;P.A.

Jawatankuasa Penilaian

Minggu Perkasa Putra 2025